

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
(RANTAU PANJANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.11.2016

Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kedudukan semasa Syarikat 1 MDB dan status keberjayaan langkah rasionalisasi menyelamatkan 1MDB.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Struktur modal 1MDB telah bergantung kepada penggunaan hutang untuk membeli dan membangunkan aset di mana aliran tunai berterusan diperlukan untuk pembayaran faedah dan prinsipal hutang. Isu 1MDB sebenarnya adalah satu isu perniagaan di mana ketidakseimbangan aliran tunai telah timbul apabila pelan

pelaksanaan *Initial Public Offering* (IPO) Edra tidak berjaya seperti yang dirancang. Bagi menangani cabaran tersebut dan untuk membayar balik hutang, Kerajaan telah mengambil langkah untuk menjalankan kajian strategik atau *strategic review* (dengan izin) dan seterusnya melaksanakan Pelan Rasionalisasi terhadap 1MDB.

Menerusi Pelan Rasionalisasi, 1MDB telah berjaya membawa masuk dana pelaburan yang signifikan daripada pelabur-pelabur domestik dan antarabangsa. Antara pencapaian Pelan Rasionalisasi 1MDB adalah seperti berikut:

- i. Penjualan tanah di TRX kepada Tabung Haji, Mulia Group (Indonesia), Affin Bank, WCT dan Lend Lease (Australia);
- ii. Penjualan 60% kepentingan ekuiti di dalam Bandar Malaysia Sdn Bhd pada nilai tanah sebanyak RM12.35 bilion; dan
- iii. Penjualan 100% kepentingan ekuiti di dalam syarikat Edra pada nilai ekuiti sebanyak RM9.83 bilion dan pemindahan hutang sebanyak RM7.43 bilion.

Dengan penjualan kepentingan tersebut, 1MDB telah membuat pembayaran hutang-hutang seperti berikut:-

- i. Pembayaran awal : RM3 bilion hutang (*syndicated*)

loan, dengan izin) kepada bank-bank tempatan.

- ii. Pembayaran awal : RM2 bilion hutang kepada Marstan.
- iii. Pembayaran awal : AS\$150 juta kepada Exim Bank.
- iv. Pembayaran balik : RM950 juta (*standby credit*, dengan izin) Kerajaan Malaysia.

1MDB kini tidak mempunyai sebarang hutang bank atau hutang jangka masa pendek dengan dana lebihan (*surplus funds*, dengan izin) sebanyak RM2 bilion untuk membayar faedah dan pembangunan infrastruktur projek.

Justeru itu, adalah jelas bahawa Pelan Rasionalisasi yang dijalankan oleh 1MDB telah berjaya membawa masuk pelabur-pelabur domestik dan antarabangsa untuk memacu inisiatif projek pembangunan strategik jangka panjang Malaysia yang akan memanfaatkan ekonomi negara.

Tuan Yang Dipertua,

1MDB telah ditubuhkan untuk menerajui projek pembangunan strategik Kerajaan untuk mengambil peluang ke atas pelaburan serta

kepakaran domestik dan antarabangsa bagi melabur dalam projek yang mempunyai nilai pengganda yang tinggi dan berinovasi. Antara pelaburan yang dijalankan oleh 1MDB adalah seperti berikut:

Projek Tun Razak Exchange (TRX)

Direka bentuk bagi memenuhi keperluan masa depan, pembangunan TRX telah dikenal pasti oleh Kerajaan Malaysia sebagai *Early Entry Point* dalam Program Transformasi Ekonomi untuk mencapai lebih dua kali ganda pendapatan per kapita menjelang tahun 2020. Projek yang dianggarkan mempunyai Nilai Pembangunan Kasar atau *Gross Development Value* (dengan izin) sebanyak RM40 bilion dan mempunyai jangka masa pembinaan selama 15 hingga 20 tahun ini mempunyai visi untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hab kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan ia sebagai sebuah Bandaraya global.

Perkembangan pesat di tapak pembinaan TRX telah direkodkan sepanjang tahun 2016. Sebagai pemaju induk projek ini, TRX City Sdn Bhd (TRXC) sedang giat membina infrastruktur bagi menyokong matlamat TRX untuk menjadi hab kewangan bertaraf dunia.

Pada masa ini, TRXC sedang membina sistem terowong sambungan untuk rangkaian jalan raya yang akan menyediakan akses terus kepada lebuh raya utama seperti SMART dan MEX ke pelbagai tempat di dalam TRX. TRXC juga telah memulakan proses pembidaan untuk fasa kerja-kerja infrastruktur seterusnya.

Selain itu, kerja-kerja pembangunan di Lifestyle Quarter, sebuah usaha sama di antara Lendlease dan TRXC yang merangkumi sebuah kompleks membeli-belah, sebuah hotel dan beberapa bangunan kediaman, telah pun bermula setelah menerima kelulusan *Development Order* (DO). Manakala pembinaan *Signature Tower*, bangunan setinggi 92 tingkat yang bakal menjadi mercu pembangunan TRX, sedang berjalan dengan pesat dengan lebih lapan tingkat bawah tanah dan atas tanah siap dibina pada ketika ini. Pembinaan bangunan pejabat untuk satu penyewa antarabangsa juga telah bermula manakala Affin Bank kini di peringkat reka bentuk bagi Ibu Pejabat baru mereka di TRX.

Selaras dengan Pelan Rasionalisasi 1MDB, 100% kepentingan ekuiti di dalam TRXC akan diambil alih oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan). Perjanjian jual beli 100% kepentingan ekuiti di dalam TRXC telah ditandatangani pada 6 Jun 2016.

Projek Bandar Malaysia

Bandar Malaysia merupakan projek pembangunan semula lapangan terbang lama Sungai Besi. Projek pembangunan urban bersepadu bersaiz 486 ekar ini bakal mengukuhkan kedudukan Kuala Lumpur di arena global bagi menarik pelabur-pelabur dan syarikat-syarikat antarabangsa. Projek ini bakal memulakan pembinaan sebaik proses pemindahan Pangkalan Udara Kuala Lumpur selesai. Sebahagian dari kawasan projek ini turut diperuntukkan bagi Projek Perumahan Mampu Milik.

Berdasarkan perancangan awal, anggaran Nilai Pembangunan Kasar atau GDV adalah sebanyak RM150 bilion untuk tempoh pembangunan antara 15 hingga 25 tahun.

Pada 31 Disember 2015, perjanjian *Share Sale Agreement (SSA)* di antara TRXC dan Konsortium Iskandar Waterfront Holdings Berhad (IWH) bersama China Railway Engineering Corporation Sdn Bhd (CREC) telah ditandatangani bagi penjualan 60% kepentingan ekuiti di dalam Bandar Malaysia Sdn Bhd (BMSB). Selaras dengan Pelan Rasionalisasi 1MDB, baki 40% kepentingan ekuiti di dalam BMSB akan diambil alih oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Perjanjian

jual beli 40% kepentingan ekuiti di dalam BMSB telah ditandatangani pada 10 Jun 2016.

Berdasarkan perjanjian jual beli saham di atas, pegangan efektif ekuiti BMSB adalah seperti berikut:

Pegangan Ekuiti	Syarikat	Milikan
40%	MKD	Kerajaan Persekutuan
14%	Kumpulan Prasarana Negeri Johor	Kerajaan Negeri Johor
22%	Credence Resources	Syarikat Swasta Malaysia
24%	CREC	Syarikat Negara China

Secara keseluruhannya, 76% daripada saham BMSB masih dipegang oleh pelabur tempatan melalui Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Johor dan syarikat swasta.